

26 SEP 2001

Ekonomi

KEMENTERIAN KEWANGAN PANTAU URUSAN PEMBAYARAN KEPADA KONTRAKTOR

PULAU PINANG, 26 Sept (Bernama) -- Kementerian Kewangan melalui skuad bergeraknya akan memantau urusan pembayaran kepada kontraktor bagi memastikan golongan itu mendapat bayaran tepat pada masanya selepas menyiapkan kerja pembinaan.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh berkata bayaran kepada kontraktor harus disegerakan bagi memastikan sektor berkenaan terus bergerak di samping meningkatkan pusingan ekonomi negara.

Pasukan itu akan mengawasi urusan berkenaan yang dibuat oleh semua kementerian, kerajaan negeri dan juga di kalangan kontraktor swasta, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Cukai Zon Utara 2001, di sini.

Beliau berkata kementerian juga akan memastikan pembayaran oleh kontraktor utama kepada kontraktor kecil yang terlibat dalam sesebuah projek pembangunan berjalan lancar.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai pakej baru merangsang ekonomi negara sebanyak RM4.3 bilion sebagai langkah pantas menangkis kelembapan ekonomi serantau.

Shafie berkata kementerian atau jabatan kerajaan perlu memastikan peruntukan untuk pembangunan disediakan sebelum melantik kontraktor untuk menjalankan tugas itu bagi mengelakkan kegagalan pembayaran apabila projek sudah disiapkan.

Beliau juga berkata Kementerian Kewangan akan memasukkan nama kontraktor kecil yang bekerja untuk kontraktor utama dalam perjanjian penawaran projek supaya bayaran boleh dibuat terus kepada mereka untuk mengelakkan masalah kelewatan pembayaran oleh kontraktor utama kepada kumpulan itu.

Katanya Kementerian akan mengenakan surcaj kepada pegawai yang didapati melengahkan bayaran atau cuai dalam proses pembayaran itu menurut kadar yang dibenarkan oleh Perintah Am.

Beliau berkata Kementerian itu turut mengedarkan borang semakan yang mengandungi prosedur mengenai peruntukan dan bayaran untuk projek pembinaan kepada semua kementerian, jabatan dan kerajaan negeri bagi memudahkan urusan.

Kementerian juga telah menubuhkan unit aduan lewat bayaran bagi membolehkan kontraktor utama, kontraktor kecil dan pihak terlibat mengemukakan aduan mereka, katanya.

"Mereka boleh menghantar surat kepada saya bagi membolehkan tindakan segera diambil untuk menyelesaikan masalah itu," katanya.

Shafie juga berkata usaha memajukan sektor pelancongan perlu ditingkatkan bagi menjana ekonomi negara dengan menarik lebih ramai pelancong dari negara-negara Arab dan destinasi lain, yang dulunya gemar ke Amerika Syarikat, agar bertukar haluan ke negara ini.

-- BERNAMA

ZU LAT